

Lelaki Indonesia mengaku salah miliki dadah dipenjara dua tahun

KUCHING: Seorang lelaki Indonesia berusia 50 tahun dijatuhi hukuman penjara dua tahundi Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki 24.89 gram dadah jenis Methamphetamine.

Selaras dengan Seksyen 289(c) Kanun Tatacara Jenayah, Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali tidak mengenakan sebatan terhadap tertuduh, Liu Bui Min, memandangkan usianya melebihi 50 tahun.

Liu didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 11.30 malam di bilik di sebuah rumah di Jalan Sin Pa, Off Jalan Matang di sini pada 8 Mei 2026.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A(1) Akta sama yang membawa hukuman penjara minimum dua tahun dan maksimum lima tahun, dan boleh disebat dengan tidak kurang tiga sebatan dan tidak melebihi sembilan Sebatan.



MENGAKU BERSALAH: Liu (tengah) ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

Mengikut fakta kes, polis melakukan serbuan di alamat tersebut susulan mengesyaki terdapat kegiatan penyalahgunaan dadah dan memeriksa sebuah mejakecil dalam bilik berkenaan dengan disaksikan Liu.

Hasil pemeriksaan itu, polis menemui sebuah bekas plastik lutsinar bertutup hitam.

Di dalam bekas tersebut, polis menemui satu pekot plastik lutsinar berisi ketulan kristal serta satu lagi pekot plastik lutsinar yang mengandungi lapan pekot plastik lutsinar pelbagai saiz, kesemuanya berisi ketulan kristal disyaki dadah

jenis syabu.

Keseluruhan barang disyaki dadah itu mempunyai anggaran berat kasar 66.50 gram.

Polis turut merampas satu penimbang digital semasa serbuan dibuat.

Semasa dalam siasatan, barang kes dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk ujian makmal dan laporan kimia pada 8 September 2026 mengesahkannya mengandungi 24.89 gram Methamphetamine (berat bersih).

Liu tidak diwakili peguam. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan.